

# Pavilion REIT catat untung bersih lebih besar RM67.12 juta

bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/07/1272771/pavilion-reit-catat-untung-bersih-lebih-besar-rm6712-juta

BERNAMA

July 17, 2024

Oleh BERNAMA - Julai 17, 2024 @ 10:36pm

KUALA LUMPUR: Pavilion Real Estate Investment Trust (Pavilion REIT) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM67.12 juta pada suku kedua berakhir 30 Jun 2024 berbanding RM62.89 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Hasil turut meningkat kepada RM201.30 juta daripada RM159.97 juta sebelumnya.

Dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat berkenaan mengaitkan kenaikan dalam keuntungan bersih itu disebabkan oleh yuran pengurusan yang lebih tinggi sejajar dengan peningkatan dalam jumlah nilai aset dan pendapatan harta tanah bersih.

Ia berkata, hasil yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya daripada pendapatan melalui Pavilion Bukit Jalil yang diperoleh pada 1 Jun 2023 dan Pavilion Kuala Lumpur Mall.

Bagaimanapun, ia telah diimbangi oleh kehilangan dalam pendapatan pengiklanan daripada Elite Pavilion Mall disebabkan naik taraf skrin diod pemancar cahaya.

Bagi enam bulan pertama, untung bersih Pavilion REIT meningkat kepada RM150.28 juta daripada RM132.94 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu, manakala hasil meningkat kepada RM419.82 juta daripada RM316.38 juta sebelumnya.

Pertumbuhan hasil disumbangkan terutamanya oleh pendapatan daripada Pavilion Bukit Jalil dan pendapatan sewa yang lebih tinggi daripada harta tanah sedia ada.

Mengenai prospek, Pavilion REIT berkata lonjakan perbelanjaan daripada pelancong domestik dan ketibaan pelancong asing pada suku pertama tahun kewangan 2024 memberi gambaran yang baik untuk industri peruncitan.

Bagaimanapun, ia berkata Retail Group Malaysia telah menyemak turun anggaran pertumbuhan jualan runcit kepada 3.6 peratus daripada empat peratus pada Mac berikutan jualan runcit menyederhana pada suku kedua 2024 dan kebimbangan berterusan terhadap peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan kepada pengguna untuk semua kumpulan pendapatan.

"Sehubungan itu, pengurusan kos akan kekal sebagai tumpuan Pavilion REIT selain terus memperhalusi keupayaan penyewanya yang pelbagai di samping meningkatkan usaha pemasaran," tambahnya.

-BERNAMA